



MOHD. FAISOL IBRAHIM (tengah) melihat kerja-kerja amali untuk memproses baja kompos oleh penduduk setempat di Kampung Ambel, dekat Phnom Penh, semalam.

Bantu penduduk Islam Kemboja tingkat taraf ekonomi

# ARP, USIM fokus pertanian

■ PHNOM PENH 22 OKT.

**P**ERTUBUHAN Program Ceria Al-I'tisam atau Al-I'tisam Relief Program (ARP) melaksanakan Misi Kemanusiaan Prihatin Kemboja dengan memfokuskan aktiviti pertanian dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi penduduk Islam Kemboja, khususnya di Kampung Ambel dekat sini.

Misi yang masuk siri kesembilan dengan kerjasama sekumpulan sukarelawan daripada Persatuan Agrosis Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu turut menumpukan beberapa aktiviti sampingan lain termasuklah berkaitan pendidikan dan dakwah terhadap penduduk setempat.

Pengarah Eksekutif ARP, Mohd. Shah Sapiei berkata, meskipun telah empat kali menjalin kerjasama de-



Iswan Shafiq  
Mat Isa

Melaporkan dari PHNOM PENH, KEMBOJA

ngan USIM sebelum ini, misi kali ini lebih bermakna kerana fokus kepada usaha mendidik penduduk Kampung Ambel menguruskan pertanian secara bersistematik.

"Kebanyakan penduduk di sini menjalankan kegiatan pertanian yang diwarisi daripada nenek moyang mereka sebelum ini. Jadi, mereka masih menggunakan kaedah lama yang pastinya kurang berkesan, apatah lagi jika cuaca tidak menentu dan sebagainya.

"Justeru, misi kali ini lebih kepada usaha mewujudkan projek ekonomi keluarga agar penduduk setempat dapat meningkatkan pendapatan, khususnya dalam bidang pertanian untuk tempoh jangka masa panjang," katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Misi selama enam hari yang disertai rombongan seramai 30 orang itu antara lain berkisar kepada aktiviti bersama-sama penduduk setempat termasuklah gotong-royong, sukareka, bengkel jahitan serta beberapa aktiviti lain yang berkaitan.

Turut dijalankan ialah teori dan amali cara-cara membuat baja kompos dan mikroorganisme efektif (EM) serta 'plant booster' iaitu teknik untuk menyuburkan tanaman tanpa menggunakan bahan kimia, khususnya kepada penduduk kampung

yang bertani.

Dalam pada itu, Pengarah Pusat Pembangunan Insaniah USIM yang juga penasihat persatuan agrosis universiti itu, Dr. Mohd. Faisol Ibrahim berkata, pihaknya menyasarkan tempoh sekurang-kurangnya enam bulan untuk melihat hasil tanaman daripada kaedah tersebut.

"Jika positif, kita akan kembali ke sini dan membuat projek dalam skala lebih besar.

"Saya harap penduduk dapat memanfaatkan program ini dengan sebaiknya kerana hampir kesemua sukarelawan yang hadir ini mempunyai kepakaran kerana pernah mengikuti kursus berkaitan pertanian anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum ini," katanya. - UTUSAN